A

Pendakwa Raya lwn Prabah a/l Sinnathamby

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–22 TAHUN 2001
ABU SAMAH NORDIN H
16 DECEMBER 2005

C

Keterangan — Kawad cam — Cara kawad cam dijalankan — Kawad cam yang dijalankan adalah tidak teratur dan tidak adil kepada tertuduh — Sama ada pengecaman cara lain dapat diterima

D

Keterangan — Perlindungan — Pembabitan sendiri, terhadap — Sama ada mahkamah dapat menwajibkan saksi menjawab soalan di bawah Akta Keterangan, s 132(2) — Sama ada s 132(2) terpakai kepada saksi yang memberikan keterangan secara sukarela

E

Tertuduh ('OKT') telah dituduh bersama dengan empat orang lain yang masih bebas di bawah s 3 Akta Penculikan 1961 di baca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan. SP3 yang merupakan mangsa sendiri telah diculik dan bermalam di dalam hutan. Pada malam itu, SP3 cuba melarikan diri setelah
F berjaya membuka kain yang menutup kepalanya. Semasa pergelutan dengan dua laki-laki yang menahannya, gari ditangannya dengan tiba-tiba terbuka. SP3 dapat melihat rupa OKT kerana pada malam itu ada cahaya bulan. Bagaimanapun, SP3 tidak berjaya melarikan diri. Tangannya telah digari semula, matanya ditutup dengan 'tape' plastik dan kepalanya ditutup dengan
G kain. Kakinya juga diikat dengan 'tape' plastik. Pada keesokan harinya pada waktu siang, SP3 dapat mengintai keadaan disekitarnya melalui satu lubang kecil pada kain yang telah digigitnya. la dapat melihat dua orang laki-laki yang menjaganya, dan mereka berjalan di sekelilingnya. Salah seorang dari laki-laki tersebut ialah tertuduh. OKT menafikan bahawa ia atau empat
H orang lain ada menculik atau menahan SP3 atau meminta wang sebanyak RM2 juta ringgit dari SP3. Adalah dihujahkan oleh peguamcara OKT bahawa kawad cam yang dijalankan oleh Cif Inspektor Ravi a/l Perumal ('SP8') adalah cacat, tidak teratur dan tidak adil. Ini kerana tidak ada keterangan mengenai deskripsi suspek diberikan oleh SP3 kepada polis; tidak
I ada keterangan mengenai umur peserta-peserta dan sama ada mereka dan tertuduh dari 'station of life' yang sama. Semua peserta-peserta berseluar panjang, berkasut dan tidak berjanggut. Manakala OKT pula berseluar pendek, berjanggut dan tidak berkasut. OKT juga tidak diberikan peluang atau ditanya sama ada ia memerlukan kehadiran peguam atau kawannya.

Pegawai penyiasat juga terlibat dengan mengaturkan kawad cam dan hadir di bilik kawad cam.

Diputuskan, mensabitkan tertuduh dengan kesalahan seperti yang dipertuduhkan:

(1) Walaupun mahkamah berpendapat kawad cam yang dijalankan adalah tidak teratur dan tidak adil kepada tertuduh, ini tidak bermakna bahawa SP3 tidak boleh mengecam OKT sebagai salah seorang orang yang menahannya. Berdasarkan kepada keterangan SP3, adalah jelas bahawa ia mempunyai peluang dan masa yang mencukupi untuk membolehkannya melihat dan mengecam OKT selama ia ditahan sebagai tebusan. Jadi apabila SP3 melihat OKT di mahkamah dan mengecamnya sebagai salah seorang yang menahannya, itu bukanlah kali pertama SP3 melihat OKT. Di dalam keterangannya, SP3 telah memberikan sebab-sebab mengapa ia boleh mengecam OKT. la dapat mengecam OKT tanpa ragu-ragu walaupun dicabar oleh peguambela semasa pemeriksaan balas. Pengecaman oleh SP3 dikandang tertuduh di mahkamah bukanlah merupakan kali pertama SP3 melihat rupa paras tertuduh. SP3 menyatakan tertuduh adalah berbadan gemuk, bermisai dan 'cute' berbanding dengan dua laki-laki lain yang menahannya di tempat letak kereta. Dua orang laki-laki itu adalah kurus (lihat perenggan 25–27).

(2) Sebagai hukumannya, setelah menimbangkan hujah kedua-dua pihak dan mengambilkira semua faktor-faktor mengenai hukuman termasuk kepentingan awam, kesalahan ini adalah amat serius, peranan OKT, OKT menggunakan senjata api, latarbelakang OKT, OKT adalah pesalah pertama, dan wang tebusan yang besar iaitu RM2 juta yang tidak dijumpai semula, mahkamah berpendapat hukuman yang setimpal ialah hukuman penjara seumur hidup dan enam kali sebatan (lihat perenggan 69).

[English summary

The accused was charged with four others who were still at large under s 3 of the Kidnapping Act 1961 read together with s 34 of the Penal Code. SP3 who was also the victim was kidnapped and had to spend the night in the jungle. On the said night SP3 tried to escape after he successfully untied the clothe covering his head. During the struggle with the two men who restrained him, his handcuff became undone. SP3 was able to see the accused as there was moonlight on that particular night. However SP3 was unable to escape. His hands were handcuffed again, and his eyes taped closed and his head covered with a piece of cloth. His legs were also tied with tape. On the

following day in the afternoon, SP3 peeped through a small hole which he had made by biting the cloth. He was able to see the two men who were watching over him, and they walked around him. One of the men was the accused. The accused denied that there were four other men who kidnapped or restrained SP3 or demanded money amounting to RM2m from SP3. The accused's lawyer submitted that the identification parade held by Chief Inspector Ravi a/l Perumal (SP8) was flawed, did not follow procedure and unfair. This was because there was no evidence on the description of the suspects given by SP3 to the police; there was no evidence on the age of the participants and whether they and the accused were from the same station of life. All the other participants were wearing long pants, with shoes and without beard while the accused was in short pants, bearded and without shoes. The accused was not given the chance nor asked if he needed the attendance of his lawyer or friend. The investigating officer was also involved in arranging the identification parade and was present in the identification parade room.

Held, convicting the accused as charged:

(1) Even though the court was of the opinion that the identification parade was conducted not in accordance with procedure and unfair to the accused, this did not mean that SP3 was unable to identify the accused as one of the persons who restrained him. Based on the evidence of SP3, it was clear that he had the opportunity and sufficient time to enable him to see and identify the accused while he was being restrained as a hostage. Thus when SP3 saw the accused in court and identified him as one of the persons who restrained him, it was not the first time SP3 saw the accused. In his evidence, SP3 had given reasons as to why he was able to identify the accused. He was able to identify the accused without any doubt even though he was challenged by the accused's counsel during cross-examination. The dock identification of the accused by SP3 was not the first time that SP3 had seen the accused. SP3 stated that the accused was plump, with moustache and cute as compared to the other two persons who detained him at the car park. The other two men were thin (see para 25–27).

(2) As punishment, after having considered the submission of both parties and having taken into account all factors in relation to the sentencing, including public interests, the seriousness of the offence, the role played by the accused, the use of firearms by the accused and the accused's background, the accused being a first time offender, and the huge amount of the hostage money ie RM2m was never recovered, the court was of the opinion that the appropriate sentence was life imprisonment with six strokes of the rotan (see para 69).]

Nota-nota

Kes-kes mengenai cara kawad cam dijalankan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 1727–1729.

Kes-kes yang dirujuk

Arumugam s/o Muthusamy v PP [1983] 3 MLJ 73 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 (dirujuk)
Chan Sin v PP [1949] MLJ 106 (dirujuk)
Chan Teng Cheong v PP [1967] 1 MLJ 217 (dirujuk)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 11 (dirujuk)
Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232 (dirujuk)
Jaafar bin Ali v PP [1998] 4 MLJ 406 (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65 (dirujuk)
Mat v PP [1963] 23 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 (dirujuk)
Muniandy & Anor v PP [1973] 1 MLJ 179 (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492 (dirujuk)
Ong Poh Cheng v PP [1998] 4 MLJ 8 (dirujuk)
PP v Chin Yoke [1940] MLJ 47 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1 (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] MLJ 256 (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393 (dirujuk)
PP v Pasupathy s/o Kanagasaby [2001] 2 MLJ 143 (dirujuk)
PP v Tay Bee Seng [1992] MLJU 10 (dirujuk)
R v GA Phillips [1936] MLJ Rep 106 (dirujuk)
R v Turnbull & Ors [1976] 3 AER 549 (dirujuk)
Rangapula & Anor v PP [1982] 1 MLJ 91 (dirujuk)
Sia Ah Kaw & Ors v PP [1974] 1 MLJ 125 (dirujuk)
Soh Tan Seng & Ors v PP [1964] MLJ 380 (dirujuk)
Tong Lew Keng v PP [1968] 2 MLJ 48 (dirujuk)
Yau Heng Fang v PP [1985] 2 MLJ 375 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 132
Akta Penculikan 1961 s 3
Kanun Acara Jenayah ss 180, 182A, 288
Kanun Keseksaan s 34

Salim Soib (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.
Gurbachan Singh (Bachan & Kartar) bagi pihak tertuduh.

Abu Samah Nordin H (sekarang HMR):

[1] Tertuduh ('OKT') telah dituduh bersama dengan empat orang lain

yang masih bebas di bawah s 3 Akta Penculikan 1961 dibaca bersama dengan s 34 Kanun Keseksaan seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama empat orang lagi yang masih bebas pada 7 Januari 2001 jam lebih kurang 11.45 malam di hadapan Hotel Grade, Jalan Petaling Utama 6, Petaling Jaya, di dalam Daerah Petaling dalam Negeri Selangor Darul Ehsan bagi melanjutkan niat bersama kamu semua, telah menahan Siow Tian Loy [K/P No 550710-10-6325] bagi maksud mendapatkan wang tebusan sebanyak RM2 juta iaitu dengan cara melarikan dan menghalang secara salah Siow Tian Loy dan oleh yang demikian, kamu semua telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 3 Akta Penculikan 1961 [Semakan 1989] Akta 365 dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan

KETERANGAN KES PENDAKWAAN

[2] Pendakwaan telah memanggil sepuluh orang saksi bagi membuktikan kesnya terhadap tertuduh. Saksi utama ialah mangsa sendiri, iaitu Siow Tian Loy ('SP3'), tuanpunya Hotel Grade, yang terletak di Jalan Petaling Utama 6, Petaling Jaya Selangor. Mengikut SP3, pada 7 Januari 2001 jam lebih kurang 11.45 malam semasa ia sedang memasukkan dua beg beras ke dalam keretanya yang terletak di tempat letak kereta hotel tersebut ia terdengar orang menjerit dan menyatakan polis. Apabila ia melihat ke belakang, ia nampak tiga orang laki-laki India. Seorang darinya berbadan gemuk dan bermisai. Dua orang lagi kelihatan kurus. Seorang dari mereka memegang gari manakala tertuduh kelihatan memegang pistol. Tempat letak kereta ini diterangi oleh lampu-lampu jalan dan juga cahaya bulan.

[3] Mereka kemudian telah menggari SP3 dan menolaknya masuk ke dalam sebuah kereta proton dan diapit oleh OKT dan seorang lagi. Kepala SP3 ditutup dengan kain. la tidak melawan oleh kerana ia tidak pasti sama ada mereka adalah polis atau orang yang menyamar sebagai polis.

[4] Semasa dalam perjalanan mereka telah memaksa SP3 menelefon isterinya untuk memberitahu bahawa ia telah diculik dan jangan membuat laporan polis. SP3 kemudian telah bercakap melalui telefon dengan setiausahanya, yang tinggal serumah dengannya dan memberitahunya bahawa ia telah diculik dan jangan membuat laporan polis. Selepas lebih kurang satu jam perjalanan dengan kereta, SP3 telah dibawa keluar dari kereta dengan tangannya bergari dan dipaksa berjalan tanpa kasut merentasi hutan dengan hanya memakai seluar dalam sahaja. Baju dan seluarnya telah ditanggalkan semasa di dalam kereta. la ditahan dan bermalam di dalam hutan tersebut.

[5] Pada malam itu SP3 cuba melarikan diri setelah berjaya membuka kain yang menutup kepalanya. Semasa pergelutan dengan dua laki-laki yang

menahannya, gari ditangannya dengan tiba-tiba terbuka. Ini membolehkannya mengepit leher kedua-dua laki-laki tersebut dengan kedua-dua tangannya dan bersemuka dengan mereka. SP3 dapat melihat rupa OKT kerana pada malam itu ada cahaya bulan. Bagaimanapun SP3 tidak berjaya melarikan diri. Tangannya telah digari semula, matanya ditutup dengan 'tape' plastik dan kepalanya ditutup dengan kain. Kakinya juga diikat dengan 'tape' plastik. Akibat dari pergelutan itu SP3 telah mengalami kecederaan di sebelah kanan dahinya. la bermalam di tempat itu.

[6] Pada keesokan harinya iaitu 8 Januari 2001, waktu siang, SP3 dapat mengintai keadaan disekitarnya melalui satu lubang kecil pada kain yang telah digigitnya. la dapat melihat dua orang laki-laki yang menjaganya, dan mereka berjalan di sekelilingnya. Salah seorang dari laki-laki tersebut ialah tertuduh.

[7] Pada sebelah malamnya, SP3 telah dibawa keluar dari tempat itu dengan sebuah kereta. Di dalam kereta, mereka telah mengugutnya dan meminta RM3.5 juta dan jika tidak, ia akan dibunuh. SP3 kemudian menyuruh mereka menelefon semula rumahnya dan SP3 telah bercakap dengan setiausahanya iaitu Puan Ng Siew Khoo ('SP4') dan menyuruhnya cuba menyediakan wang sebanyak RM3.5 juta. Setiausahanya menjawab bahawa tidak ada wang sebanyak itu. Selepas itu, SP3 telah meminta mereka 'dail' nombor telefon kawan-kawannya. Akhirnya ia dapat bercakap dengan seorang kawannya, bernama Kwa Chai dan memintanya, sedaya upaya untuk mendapatkan wang sebanyak RM3.5 juta. Selepas itu SP3 dibawa balik ke tempat yang sama, iaitu tempat di mana ia ditahan.

[8] Pada hari berikutnya, iaitu 9 Januari 2001 pada waktu siang SP3 dapat mengintai keadaan tempat ia ditahan melalui lubang kain yang menutup kepalanya, selepas ia berjaya menolak sedikit 'tape' yang menutup matanya. Melalui lubang kain itu SP3 dapat melihat dua orang laki-laki di tempat itu dan salah seorang ialah tertuduh.

[9] Pada sebelah malamnya, beberapa orang lagi telah datang dan SP3 diberitahu bahawa ia akan dilepaskan pada malam itu. Mereka membuka gari ditangan SP3 dan hanya mengikat tangannya dengan tape plastik. Mereka juga memulangkan pakaian dan dompetnya. Salah seorang dari mereka telah memberikan wang RM50 untuk naik teksi. Selepas menunggu beberapa jam dalam keadaan sunyi sepi, SP3 telah membuka 'tape' di mata, tangan dan kakinya dan mendapati tidak ada orang lagi di tempat itu kecuali sepasang selipar di tepinya, SP3 kemudian berjalan kaki keluar ke jalanraya lebih kurang 200 kaki dari tempat itu. la meninggalkan selipar tersebut sebagai tanda tempat ia ditahan. Setelah berjalan kaki lebih kurang satu batu, ia akhirnya dapat menelefon setiausahanya dengan menggunakan telefon awam.

Setiausahanya dan suaminya kemudian telah datang membawa SP3 pulang ke rumah. SP3 seterusnya telah mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Subang.

[10] Puan Ng Sew Khoo ('SP4') iaitu setiausaha SP3 mengesahkan bahawa pada malam SP3 ditahan, ia telah menerima beberapa panggilan telefon. Pertama, dari SP3 memberitahunya bahawa ia telah diculik dan memintanya jangan membuat laporan kepada polis. Kedua, Pengurus Hotel Grade memberitahunya bahawa satu laporan polis telah dibuat. Ketiga, dari seorang laki-laki India yang meminta wang sebanyak RM2 juta. Laki-laki India tersebut telah membuat beberapa panggilan telefon kepada SP4 pada 8 Januari 2001 dan 9 Januari 2001. SP4 juga ada menerima panggilan telefon dari SP3 pada 9 Januari 2001 memintanya mendapatkan wang sebanyak RM3.5 juta. SP4 hanya berjaya mengumpulkan RM2 juta termasuk RM1 juta yang dipinjamkan oleh kawan SP3.

[11] Pada 9 Januari 2001 jam lebih kurang 6 petang laki-laki India yang sama telah menelefon SP4 dan menyuruhnya membawa wang sebanyak RM2 juta ke stesyen Petronas di Nilai, Negeri Sembilan. SP3 dan suaminya telah pergi ke tempat seperti yang diarahkan dengan membawa RM2 juta di dalam satu beg. Sebelum bertolak SP4 dengan bantuan dua orang pegawai polis (SP6 dan SP7) telah mencatatkan nombor-nombor siri wang tersebut. Apabila tiba di Nilai, laki-laki India tersebut menelefon SP4 dan mengarahkannya meneruskan perjalanan ke Alor Gajah, kemudian ke Ayer Hitam, dan seterusnya ke Machap, Johor. Akhirnya, apabila tiba di KM 62.1, laki-laki India tersebut mengarahkan SP4 keluar dari kereta yang dipandu oleh suaminya dan membuangkan beg yang mengandungi RM2 juta ke jalan yang terletak di bawah lebuhraya tersebut. SP4 telah membuangkan beg tersebut seperti diarahkan. Selepas itu laki-laki India tersebut menyuruh SP4 beredar dari tempat itu. Wang tersebut tidak dapat ditemui semula.

[12] Koperal Rajendran ('SP6') dan Inspektor Adam Ng bin Abdullah ('SP7') mengesahkan bahawa mereka telah diarahkan tinggal dan berkawal di rumah SP3 mulai dari 8 Januari 2001 jam 8 pagi sehingga 10 Januari 2001. Mereka mengesahkan bahawa SP4 ada menerima beberapa panggilan telefon mengenai wang tebusan dan telah membantu SP4 menulis nombor-nombor siri wang tebusan tersebut. Mereka juga mengesahkan bahawa pada 9 Januari 2001 waktu tengah malam, SP3 telah pulang ke rumahnya bersama dengan SP4 dan suaminya.

[13] Pegawai penyiasat kes ini, Insp Ravintheran ('SP9') mengesahkan bahawa ia telah mengarahkan SP6 dan SP7 berkawal di rumah SP3 mulai dari 8 Januari 2001 - 10 Januari 2001. la juga telah pergi bersama dengan jurufoto dan SP3 ke tempat letak kereta di mana SP3 mula ditahan dan juga

di hutan tempat SP3 ditahan. SP9 telah mengambil barang-barang yang dijumpai di tempat SP3 ditahan termasuk sepasang selipar dan masking tape. Mengikut SP9, tertuduh pada mulanya telah ditangkap oleh polis. Melaka berkaitan dengan satu kes lain dan ia menangkap tertuduh berkaitan dengan kes ini pada 10 Jun 2001.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[14] Di akhir kes pendakwaan, apa yang perlu diputuskan ialah sama ada pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Ini selaras dengan kehendak s 180 Kanun Acara Jenayah ('KAJ'). Jika kes prima facie tidak dibuktikan, tertuduh hendaklah dilepaskan dan dibebaskan. Jika kes prima facie dapat dibuktikan, tertuduh hendaklah dipanggil untuk membela diri.

[15] Seksyen 180(1) KAJ tidak menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan kes prima facie. Tetapi perkataan 'prima facie' ini telah dijelaskan dengan secukupnya oleh mahkamah: lihat *Public Prosecutor v Chin Yoke* [1940] MLJ 47, *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, *Dato' Mokhtar Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232, *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 11, *Public Prosecutor v Dato' Seri Anuar bin Ibrahim (No3)* [1999] 2 MLJ 1. Di dalam kes *Public Prosecutor v Chin Yoke* [1940] MLJ 47 Gordon Smith Ag JA, telah menerima pakai makna prima facie di dalam *Mozley and Whiteley's Law Dictionary* seperti berikut:

> A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong, for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

Pada ms 48, Gordon Smith Ag JA, seterusnya menjelaskan,

> If, however, on the other hand, after weighing up such evidence for the prosecution one is satisfied that it would be wholly unsafe to convict upon such evidence standing alone, then no prima facie case has been made out and the accused should not be called on for his defence.

[16] Di dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65, YA Gopal Sri Ram JCA, telah merujuk antara lain kepada kes *Dato' Mokhtar bin Hashim v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 dan *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 dan menjelaskan makna prima facie seperti berikut:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s 180 of the CPC has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask himself the

question: if I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no prima facie case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[17] Di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393, YA Gopal Sri Ram JCA, telah menyenaraikan satu persatu langkah yang perlu diambil oleh mahkamah di dalam menilai keterangan pada akhir kes pendakwaan dan pada akhir keseluruhan kes seperti berikut:

For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:

(i) subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'NO' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict.

[18] Hujah utama peguambela ialah mengenai pengecaman ke atas OKT. Adalah dihujahkan bahawa kawad cam yang dijalankan oleh Cif Inspektor Ravi a/l Perumal ('SP8') adalah cacat, tidak teratur dan tidak adil. Ini kerana tidak ada keterangan mengenai deskripsi suspek diberikan oleh SP3 kepada polis; tidak ada keterangan mengenai umur peserta-peserta dan sama ada mereka dan tertuduh dari 'station of life' yang sama. Semua peserta-peserta berseluar panjang, berkasut dan tidak berjanggut. Manakala OKT pula berseluar pendek, berjanggut dan tidak berkasut. OKT juga tidak diberikan peluang atau ditanya sama ada ia memerlukan kehadiran peguam atau kawannya. Pegawai penyiasat juga terlibat dengan mengaturkan kawad cam dan hadir di bilik kawad cam.

[19] Peguambela merujuk kepada *Archbold, Pleading, Evidence and Practice in Criminal Cases*, Ed. 43 ms 1143 dan ms 1147 yang masing-masingnya menyatakan seperti berikut:

No officer involved with the investigation of the case against the suspect may take part in the arrangements for, or conduct of the parade (ms 1143).

A suspect must be given a reasonable opportunity to have a solicitor or friend present … (ms 1147)

[20] Oleh kerana kawad cam adalah cacat, tidak teratur dan tidak adil, pengecaman oleh SP3 ke atas OKT melalui kawad cam tidak boleh diterima. Tanpa pengecaman tersebut, tidak ada keterangan selain dari 'dock identification' bahawa OKT adalah orang yang melakukan kesalahan seperti di dalam pertuduhan.

[21] Prinsip undang-undang mengenai pengendalian kawad cam telah dijelaskan di dalam kes *R v Turnbull & Ors* [1976] 3 AER 549. *Archbold, Pleading, Evidence and Practice in Criminal Cases* merujuk kepada prinsip-prinsip tersebut sebagai garispanduan di dalam *R v Turnbull*. Lord Widgery CJ pada ms 551–552 menjelaskan prinsip-prinsip tersebut sebagai berikut:

First, whenever the case against an accused depends wholly or substantially on the correctness of one or more identifications of the accused which the defence alleges to be mistaken, the judge should warn the jury of the special need for caution before convicting the accused in reliance on the correctness of the identification or identifications. In addition he should instruct them as to the reason for the need for such a warning and should make some reference to the possibility that a mistaken witness can be a convincing one and that a number of such witnesses can all be mistaken. Provided this is done in clear terms the judge need not use any particular form of words.

Secondly, the judge should direct the jury to examine closely the circumstances in which the identification by each witness came to be made. How long did the witness have the accused under observation? At what distance? In what light? Was the observation impeded in any way, as for example by passing traffic or a press of people? Had the witness ever seen the accused before? How often? If only occasionally, had he any special reason for remembering the accused? How long elapsed between the original observation and the subsequent identification to the police? Was there any material discrepancy between the description of the accused given to the police by the witness when first seen by them and his actual appearance? If in any case, whether it is being dealt with summarily or on indictment, the prosecution have reason to believe that there is such a material discrepancy they should supply the accused or his legal advisers with particulars of the description the police were first given. In all cases if the accused asks to be given particulars of such descriptions, the prosecution should supply them. Finally, he should remind the jury of any specific weaknesses which had appeared in the identification evidence. Recognition may be more reliable than identification of a stranger; but, even when the witness is purporting to recognize someone whom he knows, the jury should be reminded that mistakes in recognition of close relatives and friends are sometimes made.

[22] Walaupun penjelasan prinsip-prinsip tersebut dibuat di dalam perbicaraan dengan juri, saya berpendapat ia juga relevan di dalam perbicaraan tanpa juri dan ia telah diterimapakai di negara ini: lihat *Jaafar bin Ali v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 406, *Rangapula & Anor v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 91, *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232, *Yau Heng Fang v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 375, *Arumugam s/o Muthusamy v Public Prosecutor* [1983] 3 MLJ 73.

[23] Di dalam kes *Jaafar bin Ali v Public Prosecutor* YA Hakim Augustine Paul menyatakan bahawa adalah perlu bagi saksi yang akan membuat pengecaman memberikan kepada polis perihal deskripsi tertuduh terlebih dahulu, khususnya di dalam kes di mana saksi tidak mengenali tertuduh sebelum kejadian.

[24] Di dalam kes *Public Prosecutor v Pasupathy Kanagasaby* [2001] 2 MLJ 143 Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kawad cam yang dijalankan oleh polis adalah tidak teratur dan tidak adil oleh kerana terdapat jurang perbezaan umur yang amat ketara di antara tertuduh dan peserta-peserta kawad cam. Yang Amat Arif Lamin Mohd. Yunus PCA, pada ms 767 menyatakan:

> From the evidence which we have stated earlier, most of the participants were of different age and height from the respondent and according to the authorities the identification parade held was certainly unfair to the respondent … To ensure that the parade is properly and fairly held it is the duty of the officer conducting the parade to look for participants who are of similar age, stature and appearance as the accused person'.

Willan CJ di dalam kes *Chan Sin v Public Prosecutor* [1949] MLJ 106 pada ms 108 menyatakan:

> We would further point out that in this country it has already been the practice in Police Identification Parades that all the persons on the parade should be of the same nationality as that of the suspected person, as far as possible they should be from the same station in life as that of the suspected persons; and also there should be no great disparity of ages in the persons on the parade.

[25] Di dalam kes di hadapan saya, tidak ada keterangan mengenai umur peserta-peserta di dalam kawad cam untuk membolehkan mahkamah mengetahui sama ada tertuduh dan peserta-peserta adalah di dalam lingkungan umur yang sama. Juga tidak ada keterangan bahawa SP3 telah memberikan deskripsi orang yang disyaki sebelum pengecaman dibuat. Paling ketara sekali ialah fakta bahawa tertuduh merupakan satu-satunya orang yang berjanggut, berseluar pendek dan tidak berkasut sedangkan peserta-peserta lain di dalam kawad cam, tidak berjanggut, berseluar panjang dan berkasut. Ini memudahkan SP3 mengecam tertuduh. Saya berpendapat

kawad cam yang dijalankan adalah tidak teratur dan tidak adil kepada tertuduh. Oleh itu pengecaman oleh SP3 terhadap OKT melalui kawad cam tidak boleh diterima sebagai keterangan. Timbalan Pendakwa Raya sendiri mengakui kawad cam tersebut adalah tidak teratur.

[26] Ini tidak bermakna bahawa SP3 tidak boleh mengecam OKT sebagai salah seorang orang yang menahannya. Berdasarkan kepada keterangan SP3, adalah jelas bahawa ia mempunyai peluang dan masa yang mencukupi untuk membolehkannya melihat dan mengecam OKT selama ia ditahan sebagai tebusan.

[27] Jadi apabila SP3 melihat OKT di mahkamah dan mengecamnya sebagai salah seorang yang menahannya, itu bukanlah kali pertama SP3 melihat OKT. Di dalam keterangannya, SP3 telah memberikan sebab-sebab mengapa ia boleh mengecam OKT. la dapat mengecam OKT tanpa ragu-ragu walaupun dicabar oleh peguambela semasa pemeriksaan balas. Saya berpuashati bahawa SP3 boleh mengecam OKT kerana ia mempunyai masa dan peluang yang mencukupi untuk mengenali OKT semasa ia mula ditahan di tempat letak kereta dan semasa ia ditahan di dalam hutan. Pengecaman oleh OKT di mahkamah hanya mengesahkan bahawa OKT adalah salah seorang yang menahannya di tempat letak kereta dan di dalam hutan. Hujah peguambela bahawa pengecaman oleh OKT hanyalah melalui 'dock identification' sahaja adalah bertentangan dengan keterangan SP3.

DOCK IDENTIFICATION

[28] Isu sama ada 'dock identification' boleh diterima atau tidak telah dibangkitkan di dalam kes *Arumugam v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 73 dan *Ong Poh Cheng v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 8. Di dalam kes *Arumugam*, Mahkamah Persekutuan menjelaskan seperti berikut:

> Generally speaking.... dock identification.... is undesirable … (ms 75 perenggan F)
>
> Much depends on the precise circumstances and the stance of the defense. How long is the 'long lapse'. What are the circumstances in which a witness has seen the accused eg the distance between him and the accused, the weather condition, any lighting particularly at night, and if so the quality of lighting, the length of time the witness sees or observes the accused, the conversation between them, whether the witness had known or seen the accused prior to the incident, and so forth'.

Kes *Arumugam* bukanlah autoriti bahawa 'dock identification' tidak boleh diterima dalam apa juga keadaan pun. la bergantung kepada fakta dan hal keadaan sesuatu kes.

[29] Di dalam kes *Ong Poh Cheng v Public Prosecutor*, Mahkamah Rayuan telah menerima keterangan saksi yang telah mengecam tertuduh melalui 'dock identification'. Mahkamah Rayuan memutuskan,

> 1(a) It does not follow, as a matter of course, that just because the learned Judge rejected the identification at the identification parade, he must of necessity also reject the dock identification. The facts and circumstances of each case are important and in this case, the judge rejected the identification at the identification parade not because there was no identification of the appellant as the robber (the appellant was in fact identified), but because there were defects in the manner in which the parade was conducted.

[30] Setelah melihat SP3 memberi keterangan dan menimbangkan keterangannya dengan teliti, saya berpuashati bahawa SP3 boleh mengecam tertuduh di kandang tertuduh tanpa ragu-ragu memandangkan SP3 mempunyai peluang yang secukupnya untuk melihat tertuduh semasa ia mula-mula ditahan dan semasa ia ditahan di dalam hutan.

[31] Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan pada akhir kes pendakwaan dan mendengar hujah kedua-dua pihak, saya berpuashati bahawa pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Tertuduh, pada tahap ini, tidak ada menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dengan itu, tertuduh adalah dipanggil untuk membela diri. Setelah ketiga-tiga alternatif diterangkan dan dijelaskan kepada tertuduh, ia memilih untuk memberi keterangan bersumpah.

KES PEMBELAAN

[32] Tertuduh ('SD1') memberi keterangan bersumpah seperti berikut. Mengikutnya ia tinggal di No 2, Jln Pokok Mangga, Taman Pokok Mangga, Melaka bersama isteri dan anak-anaknya sejak 1999 sehinggalah ia ditangkap di sebuah restoran di Malim Jaya, Melaka pada 24 April 2001. la bekerja di sebuah kedai video kepunyaannya, iaitu Jasin Video Centre di Bukit Beruang Melaka. Kedainya dibuka dari 10.30 pagi hingga 10.30 malam termasuk hari Ahad. Isterinya bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran di Malim Jaya, Melaka.

[33] Mengikutnya pada 7 Januari 2001 ia berada di kedainya dari pagi sehingga 10.45 malam dan selepas itu ia balik ke rumah. la tidak ada pergi ke Kuala Lumpur atau Petaling Jaya pada 7 Januari 2001, la menafikan bahawa ia atau empat orang lain ada menculik atau menahan Siow Tian Loy ('SP3'); atau pada bila-bila masa meminta wang sebanyak RM2 juta ringgit dari SP3. Ia menyatakan SP3 telah mengecam orang yang salah.

Bagaimanapun, jika versi pembelaan dipercayai, OKT hendaklah dilepaskan dan dibebaskan. Mahkamah Agung di dalam kes *Mohamed Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor*, pada ms 171 menjelaskan:

> To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question, that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless raise a reasonable doubt as to his guilt?

Ini bermakna beban bukti yang terletak pada tertuduh adalah lebih ringan berbanding dengan beban bukti pendakwaan.

[39] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, pada ms 316 menjelaskan beban bukti melepasi keraguan munasabah seperti berikut:

> Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burden can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.
>
> It follows that the submission of counsel that the burden on the prosecution at the close of its case is to make out a case which is beyond reasonable doubt and not on a prima facie basis is contrary to the clear and plain language of s 180 and s 182A. It cannot therefore be sustained.

[40] Pada akhir keseluruhan kes, peguambela tertuduh telah berhujah dan juga menerima pakai hujahnya di akhir kes pendakwaan. Pembelaan tertuduh ialah mengenai identiti dan pengecaman oleh mangsa ('SP3') terhadap tertuduh. Adalah dihujahkan bahawa ini ialah satu kes kesilapan identiti. Tertuduh bukanlah orang yang menahan atau menculik SP3. Tertuduh, di dalam keterangannya menyatakan bahawa pada semua masa yang material ia tidak ada di tempat kejadian, sama ada di tempat SP3 meletakkan keretanya di luar Hotel Grade atau di tempat SP3 ditahan dan bermalam di hutan

[34] Semasa pemeriksaan balas, tertuduh menafikan cadangan Timbalan Pendakwa Raya bahawa ia terlibat dengan penculikan SP3. Mengikutnya pada 7 Januari 2001 hingga 9 Januari 20001 ia berada di kedai video semasa waktu perniagaan dibuka. Selepas itu ia balik ke rumah. Isterinya dan tuan punya kedai gunting yang bersebelahan kedainya boleh mengesahkan bahawa ia ada di rumah atau di kedai videonya.

[35] Saksi kedua pembelaan ialah Mahendran a/l Muniandy (SD2). la tidak bekerja. Mengikutnya pada tahun 2001 ia tinggal di Kuala Lumpur. Pada 7 Januari 2001 jam lebih kurang 8 malam ia ada berjumpa dengan seorang kawannya, bernama Kalaiselvam di Brickfields di sebuah kedai makan tetapi ia tidak pasti tempatnya. Mengikutnya tertuduh tidak ada bersama.

[36] Saksi terakhir pembelaan ialah SD3, seorang wartawan Malay Mail, la dipanggil untuk mengemukakan laporan yang dibuat olehnya di dalam Malay Mail bertarikh 12 Jun 2001 ('exh D3'). Di dalam Malay Mail ini terdapat gambar tertuduh dan gambar Kalaiselvam Ranggasamy.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES

[37] Pada akhir keseluruhan kes mahkamah hendaklah membuat penilaian semula keseluruhan kes secara maksimum untuk memutuskan sama ada pendakwaan telah membuktikan kesnya melepasi keraguan yang munasabah. Seksyen 182A Kanun Acara Jenayah ('KAJ') memperuntukkan bahawa jika pendakwaan dapat membuktikan kesnya melepasi keraguan yang munasabah, tertuduh hendaklah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan tersebut. Jika sebaliknya, tertuduh hendaklah dibebaskan dan dilepaskan. Beban bukti ke atas tertuduh hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kes yang klasik dan dirujuk dari masa ke semasa mengenai pendekatan yang perlu diambil oleh mahkamah pada akhir keseluruhan kes ialah *Mat v Public Prosecutor* [1963] 23 MLJ 263. *Mat v Public Prosecutor* telah dirujuk di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 dan *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393. YA Gopal Sri Ram JCA di dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* pada ms 211 menasihatkan seperti berikut:

> (iii) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[38] Di dalam menimbangkan keterangan dan penjelasan pembelaan mahkamah tidak perlu mempercayai versinya untuk membolehkan tertuduh dilepaskan. la hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah.

seperti yang didakwa oleh SP3. Tertuduh menyatakan ia berada di kedai videonya semasa waktu pemiagaan dan dirumahnya bersama isterinya, selepas waktu bekerja.

[41] Saya mendapati tertuduh juga ada memberi keterangan yang bercanggah. Semasa pemeriksaan utama tertuduh telah mengubah keterangannya mengenai keadaan misai dan janggutnya. Semasa pemeriksaan utama pada 23 September 2004 peguamnya bertanya sama ada misai dan janggutnya pada 7 Januari 2001 adalah kurang dari keadaan seperti di dalam gambar ('exh D4'). Tertuduh menyatakan pada 7 Januari 2001 janggutnya adalah lebih sedikit daripada dalam gambar exh D4. Peguambela kelihatan terperanjat dan bertanya kepada tertuduh seperti berikut:

'Ah, lebih lebat?'.

Tertuduh menjawab:

'Ya, lebih lebat'.

[42] Pada 24 September 2004, tertuduh semasa menyambung keterangan di dalam pemeriksaan utama telah mengubah keterangannya dengan menyatakan ia tersilap semalam. la sekarang menyatakan:

Janggut saya pada 7 Januari 2001, kurang daripada janggut seperti dalam gambar D4.

Keterangan ini, pada saya ialah satu pemikiran semula. la bukan dibuat secara spontan tetapi sehari kemudian.

[43] Setelah melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan, khususnya SP3 dan tertuduh, saya mendapati SP3 mempunyai peluang yang secukupnya untuk melihat dan mengenali tertuduh. Pertama kali ialah pada 7 Januari 2001 di tempat letak kereta apabila ia berpusing ke belakang apabila ia mendengar orang menjerit dan menyatakan polis. Pada masa itu tempat itu adalah cerah kerana ada lampu-lampu jalan dan juga ada cahaya bulan.

[44] Kali kedua ialah pada malam yang sama apabila SP3 berjaya membuka kain yang menutup kepalanya dan bergelut dengan tertuduh dan seorang lagi, di tempat SP3 di tahan di dalam hutan. Semasa ia mengepit leher kedua-dua laki-laki tersebut, ia sempat bersemuka dengan tertuduh. Pada malam itu ada cahaya bulan.

[45] Kali ketiga ialah pada waktu siang hari pada hari esoknya, iaitu 8 Januari 2001. la dapat melihat tertuduh melalui lubang kain yang menutup kepalanya. Lubang kain ini disebabkan oleh gigitan oleh SP3.

A **[46]** Kali keempat ialah pada 9 Januari 2001, waktu siang, semasa SP3 masih ditahan dan dikawal oleh tertuduh di dalam hutan. SP3 telah mengintai dan dapat melihat tertuduh melalui lubang kain selepas ia dapat menolak sedikit 'tape' yang menutup matanya.

B **[47]** Pengecaman oleh SP3 dikandang tertuduh di mahkamah bukanlah merupakan kali pertama SP3 melihat rupa paras tertuduh. SP3 menyatakan tertuduh adalah berbadan gemuk, bermisai dan 'cute' berbanding dengan dua laki-laki lain yang menahannya di tempat letak kereta. Dua orang laki-laki itu adalah kurus. Semasa SP3 memberi keterangan, saya telah memerhatikan
C gerak gerinya dan gaya ia memberi keterangan untuk melihat sama ada SP3 boleh dipercayai dan sama ada ia cuba memberi keterangan sebagai seorang saksi yang berkepentingan dan ingin melihat tertuduh disabitkan atas kesalahan. Saya melihat SP3 memberi keterangan dengan tenang dan bersahaja sahaja.

D

[48] Oleh itu tidak timbul sebarang kekeliruan atau kesilapan identiti. Saya mendapati SP3 adalah seorang saksi yang boleh dipercayai. Berdasarkan kepada keterangan SP3, pendakwaan telah dapat membuktikan identiti tertuduh melepasi keraguan yang munasabah.

E

[49] Peguambela juga berhujah bahawa bilangan orang terlibat di dalam pertuduhan ialah lima orang, tetapi bilangan yang dinyatakan oleh SP3 adalah tiga orang sahaja, termasuk tertuduh. Hujah ini, pada pandangan saya
F tidak menjejaskan pengecaman dan keterangan oleh SP3 bahawa tertuduh adalah salah seorang yang menahannya.

[50] Mengenai keterangan SD2, saya mendapati keterangannya adalah bercanggah antara satu sama lain dan keterangannya bahawa tertuduh tidak
G ada di tempat kejadian adalah amat meragukan. Ini kerana tidak ada keterangan bahawa SD2 ada di tempat kejadian. la adalah seorang saksi yang 'evasive'. la memberi keterangan dengan motif yang mencurigakan dan cuba menyelindungkan sesuatu yang ia mengetahuinya.

H **[51]** Semasa pemeriksaan utama SD2 telah ditanya mengenai peranan beliau. Soalan-soalan dan jawapannya adalah seperti berikut:

(i) Pada 10.30 malam, 7 Januari 2001 ada kamu pergi ke mana-mana dengan Kalaiselvam dan tiga orang lagi?

I Saya takut untuk memberitahu.

(ii) Mengapa takut?

Kalau saya beritahu, polis akan tangkap saya atau Yang Arif akan memberi hukuman kepada saya.

(iii) Pada 7 Januari 2001, pada pukul 11.45 malam ada kamu terlibat dengan apa-apa perbuatan jenayah?

Saya takut untuk menjawab.

(iv) Adakah kamu pada 7 Januari 2001 jam lebih kurang 11.45 malam di hadapan Hotel Grade, Jln Petaling Utama 6, Petaling Jaya bersama-sama dengan empat orang lagi menahan atan menculik seorang China?

Saya takut sebab, kalau saya jawab mungkin polis tangkap saya atau mahkamah kenakan hukuman kepada saya.

[52] Oleh kerana SD2 takut menjawab soalan-soalan tersebut, peguambela telah memohon kepada mahkamah supaya SD2 diberikan immuniti di bawah s 132 Akta Keterangan 1950 sebelum ia menjawabnya. Peguambela berhujah bahawa:

(i) SD2 tidak boleh dilepaskan daripada menjawab soalan yang relevan kepada isu di dalam prosiding jenayah atas alasan ia akan membabitkannya dengan kesalahan tersebut atau mendedahkannya kepada 'penalty or forfeiture' (s 132(1)).

(ii) Mahkamah tidak ada pilihan di bawah s 132(2) dan mestilah memaksa SD2 menjawab soalan-soalan tersebut serta memberikan perlindungan kepadanya dari didakwa, kecuali jika ia memberi keterangan palsu.

[53] Peguam merujuk kepada kes *Muniandy & Anor v Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 179; dan *Sarkar's Law of Evidence* (13th Ed) ms 1262 yang menyatakan seperti berikut;

The court has no option under this section to disallow a question as to matter relevant to the matter in issue. When the answer to a question may tend to criminate a witness, he may raise an objection that the question is not as to any matter relevant to the matter in issue or that if relevant, it is only as affecting his credit. In the former case, if the question is insisted on the court will compel the witness to answer it and it has no option.

[54] Timbalan Pendakwa Raya menentang permohonan peguam atas alasan bahawa ia merupakan penyalahgunaan proses mahkamah. Di dalam kes *Rex v GA Phillips* [1936] MLJ Rep 106, Whitley Ag CJ memutuskan bahawa s 132 hanya terpakai jika saksi dipaksa oleh mahkamah untuk menjawab soalan. Seksyen 132 tidak terpakai jika saksi memberi keterangan secara sukarela.

[55] Di dalam kes *Tong Lew Keng v Public Prosecutor* [1968] 2 MLJ 48 mahkamah memutuskan bahawa s 132(2) Akta Keterangan 1950 hanya

terpakai jika saksi dipaksa menjawab soalan. la tidak boleh digunakan jika saksi menjawab soalan dengan sukarela.

[56] Di dalam kes ini, Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa saksi ini adalah saksi pembelaan dan bukan saksi pendakwaan seperti di dalam kes *Public Prosecutor v Tay Bee Seng* [1992] MLJU 10. Tertuduh di dalam kes ini dituduh bersama dengan empat orang lagi yang masih bebas. Saksi ini hadir semasa perbicaraan. Beliau ingin memberi keterangan dengan harapan tertuduh dilepaskan dan pada masa yang sama ia dilindungi daripada pendakwaan atas kesalahan yang sama. Jika perlindungan diberikan, keadilan tidak akan terlaksana dan akan dijadikan bahan ketawa. Isu di hadapan saya ialah sama ada:

(i) Mahkamah diwajibkan di bawah s 132(2) Akta Keterangan 1950('AK') untuk memaksa saksi menjawab soalan tersebut atau mahkamah mempunyai budibicara.

(ii) Jika mahkamah mempunyai pilihan atau budibicara, sama ada dalam hal keadaan kes ini adalah wajar mahkamah memberikan perlindungan kepada SD2.

[57] Setelah meneliti s 132 AK, dan mendengar hujah kedua-dua pihak saya memutuskan seperti berikut:

(i) Mahkamah tidak terikat untuk memaksa saksi menjawab soalan dan memberikan perlindungan daripada ditangkap atau didakwa di bawah s 132(2). Tanggungjawab saksi untuk meniawab soalan telah ditetapkan oleh undang-undang di bawah s 132(1).

(ii) Kuasa budi bicara mahkamah untuk memaksa saksi menjawab soalan di bawah s 132(2) hendaklah dilaksanakan dengan berhati-hati dan bijaksana (judiciously), bergantung kepada fakta sesuatu kes.

(iii) Jika mahkamah tidak ada pilihan di bawah s 132(2) dan mesti memaksa saksi menjawab soalan dan memberikan perlindungan seperti yang dihujahkan oleh peguambela, ia akan menggalakkan penyalahgunaan proses mahkamah dan penyembunyian kebenaran. Ini kerana perlindungan secara automatik akan memberikan kebebasan mutlak kepada saksi untuk memberikan keterangan mengikut citarasanya tanpa memperdulikan kebenaran asalkan tertuduh dilepaskan. Akibatnya, orang yang melakukan kesalahan, sama ada telah didakwa atau masih bebas akan terlepas daripada diadili. Pada pendapat saya, ini bukanlah maksud sebenar s 132(2).

(iv) Seksyen 132(2) hanya terpakai jika seseorang saksi itu dipaksa oleh mahkamah untuk menjawab soalan. la tidak terpakai kepada saksi yang memberikan keterangan secara sukarela.

[58] Di dalam mencapai keputusan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada SD2 di bawah s 132(2), saya mengambil kira antara lain faktor-faktor berikut:

(i) SD2 adalah seorang saksi yang dipanggil oleh pembelaan;

(ii) SD2 hadir semasa perbicaraan dan mengikuti perkembanqan kes ini. Peguambela mengakui SD2 ada hadir semasa perbicaraan walaupun bukan di dalam mahkamah dan bukan setiap kali perbicaraan.

(iii) Saksi ini memperlihatkan kepada saya sebagai seorang saksi yang mempunyai kepentingan.

(iv) Tertuduh di dalam kes ini dituduh bersama dengan empat orang yang masih bebas. Pihak polis masih lagi tidak mengetahui dan tidak dapat mengesan mereka ini.

[59] Dengan memberikan perlindungan, ia akan menjejaskan siasatan selanjutnya, menghalang penguatkuasaan undang-undang dan perlaksanaan proses keadilan. Atas alasan tersebut saya berpendapat SD2 adalah bukan seorang yang wajar diberikan perlindungan di bawah s 132(2) AK.

[60] Selepas permohonannya untuk immuniti ditolak, SD2 tidak hadir untuk menyambung keterangannya seperti yang dijadualkan sehinggalah mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadapnya. Tingkah lakunya menimbulkan persoalan terhadap kredibilitinya. SD2 juga didapati memberi keterangan yang bercanggah. Semasa pemeriksaan utama SD2 menyatakan ia tidak kenal tertuduh tetapi semasa pemeriksaan balas, ia mengaku bahawa ia kenal tertuduh dan mereka pernah sama-sama ditahan di Pusat Pemulihan Simpang Renggam.

[61] Keterangan SD3 adalah 'neutral'. Laporan yang dibuatnya dan gambar yang disiarkan di dalam Malay Mail tidak menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pendakwaan.

[62] Peguambela menghujahkan bahawa jika ada dua inferens, satu Kalaiselvam yang terlibat; dan kedua tertuduh tidak terlibat berdasarkan kepada keterangan SD2, inferens yang perlu dibuat ialah tertuduh tidak terlibat. Saya berpendapat hujah ini tidak bersandarkan kepada keterangan. Di dalam kes ini tertuduh adalah salah seorang daripada orang yang menahan SP3. Adalah 'premature' untuk memutuskan sama ada Kalaiselvam terlibat atau tidak. Di dalam analisa terakhir, saya setelah menimbangkan keseluruhan kes secara maksimum dan menimbangkan hujah kedua-dua pihak, saya berpuashati bahawa pendakwaan telah membuktikan kesnya melepasi keraguan yang munasabah dan pembelaan tidak dapat

menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Pembelaan tertuduh hanyalah merupakan satu penafian semata-mata.

[63] Di dalam kes ini, saya mengingatkan diri saya akan bahaya bergantung kepada pengecaman oleh SP3 terhadap OKT di mahkamah tanpa keterangan sokongan. Bagaimanapun setelah memerhatikan SP3 memberi keterangan, termasuk air mukanya dan reaksinya di dalam menjawab soalan oleh Timbalan Pendakwa Raya dan peguambela dengan tenang, saya berpuashati bahawa SP3 mempunyai peluang yang secukupnya untuk mengecam dan bersemuka dengan OKT dari jarak dekat mulai dari ia ditahan di tempat letak kereta dan sehingga ia ditahan dan dikawal oleh OKT di dalam hutan, bersama dengan laki-laki India lain yang masih bebas.

[64] Oleh itu, saya mendapati tertuduh adalah salah seorang yang telah menahan SP3 dan dengan ini ia disabitkan dengan kesalahan seperti di dalam pertuduhan.

HUKUMAN

[65] Hukuman di bawah s 3 Akta Penculikan 1961, jika disabitkan ialah hukuman mati atau penjara seumur hidup; dan jika tidak dikenakan hukuman mati, ia juga boleh dikenakan sebatan.

[66] Peguambela memohon OKT dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan bukan dikenakan hukuman mati. Mengikutnya ini ialah kesalahan pertama OKT dan ia tidak ada rekod kesalahan lampau. OKT berumur 27 tahun semasa kejadian, telah berkahwin dan mempunvai dua orang anak perempuan berumur 11 dan 13 tahun. Mereka masih belajar semasa kejadian. Pendapatannya adalah lebih kurang RM5000 sebulan. Sekarang perniagannya telah ditutup. Ayahnya telah meninggal. Ibunya berumur 65 tahun. Bapa mertuanya, 58 tahun, seorang pesara lumpuh akibat kemalangan. Keluarga OKT sekarang disara dari pencen bapa mertua kerana isterinya telah berhenti kerja.

[67] Mengikut peguambela, mangsa hanya ditahan satu setengah hari dan tidak mengalami kecederaan serius. Beliau merujuk kepada kes *Sia Ah Kaw & Ors v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 125, *Chan Teng Cheong v Public Prosecutor* [1967] 1 MLJ 217 dan *Soh Tan Seng & Ors v Public Prosecutor* [1964] MLJ 380 mengenai hukuman di dalam kes-kes yang terdahulu bagi kesalahan yang sama. Di dalam kes pertama di atas, kelima-lima tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan di bawah s 3 Akta Penculikan 1961dan dikenakan hukuman mati. Atas rayuan mereka, Mahkamah Rayuan Singapura telah menggantikan hukuman mati dengan hukuman seumur

hidup dan di dalam kes kedua dan ketiga di atas, tertuduh didapati bersalah di bawah s 3(1) Akta Penculikan 1961 dan hanya dikenakan hukuman penjara seumur hidup sahaja.

[68] Timbalan Pendakwa Raya menggesa mahkamah menjatuhkan hukuman mati bagi memberikan mesej kepada masyarakat bahawa ini adalah satu kesalahan yang serius: lihat *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] MLJ 256. Penculikan boleh terjadi kepada sesiapa. Penculikan di dalam kes ini telah dirancang dan mahkamah perlu mengambil kira trauma yang dialami oleh mangsa. Jika wang tebusan tidak dibayar, mangsa mungkin dibunuh. Jika hukuman mati tidak dikenakan, pendakwaan menggesa mahkamah mengenakan hukuman penjara seumur hidup dengan sebatan maksimum yang dibenarkan oleh s 288 Kanun Acara Jenayah. Peguambela mencadangkan sebatan jika dikenakan, tidak melebihi tiga sebatan.

[69] Setelah menimbangkan hujah kedua-dua pihak dan mengambilkira semua faktor-faktor mengenai hukuman termasuk kepentingan awam, kesalahan ini adalah amat serius, peranan OKT, OKT menggunakan senjata api, latarbelakang OKT, OKT adalah pesalah pertama, dan wang tebusan yang besar iaitu RM2 juta yang tidak dijumpai semula, saya berpendapat hukuman yang setimpal ialah hukuman penjara seumur hidup dan enam kali sebatan.

Tertuduh disabitkan kesalahan seperti yang dipertuduhkan.

Reported by Sally Kee